

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 10. (Januari, 2006/Zulhijjah, 1426H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma



Selamat Hari Raya Aidil Adha



Saudara Pengerusi dan Barisan Ahli Jawatankuasa Surau Al Ulum KD9, ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Adha, kepada semua ahli kariah dan semua umat Islam seluruhnya. Semuga kita semua sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Illahi.

BERKORBAN DEMI AGAMA...

Di antara sifat yang dipandang tinggi oleh Allah Taala ialah berkorban kerana agama dan berkorban untuk kebajikan dan sifat yang bertentangan dengan ini ialah mementingkan diri. Berkorban mempunyai pengertian yang luas, termasuklah mengenyepikan kepentingan diri sendiri dan mengutamakan kepentingan masyarakat seperti mengeluarkan derma berupa wang ringgit untuk membantu hospital-hospital, sekolah-sekolah, rumah-rumah anak yatim, mendermakan kepada balu-balu polis serta perajurit dan sebagainya. Begitu juga kita menumpukan taat setia kepada Allah dan untuk membangunkan negara tanpa menyakiti dan menyentuh muslihat orang lain.

Demikian juga kita mengorbankan jiwa raga untuk mengawal keselamatan rakyat dan negara dari terancam musuh luar. Jika niat kita jujur iaitu untuk menegakkan Islam dan syiarnya, maka kita mati dinamakan mati syahid.

Angkatan tentera dan pasukan polis yang sentiasa bersiap sedia menentang pegganas-pegganas yang jahat sama ada dari luar dan dalam untuk menegakkan keamanan dan keselamatan rakyat adalah termasuk ke dalam jihad fi-sabilillah jika niatnya bagi mendapat keredhaan Allah. Jika mereka mati di dalam keimanan maka kematian mereka adalah mulia di sisi Allah.

Allah berfirman yang maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah kamu Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian hal itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Ia akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta di tempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam syurga yang kekal. Itulah kemenangan yang besar." As-saf: ayat 10-12

Selain itu, Rasulullah s.a.w bersabda di masa baginda disoal tentang orang-orang utama yang bermaksud, "Di tanya orang akan Rasulullah. Manakah manusia yang lebih utama? Maka jawab Rasulullah s.a.w. orang yang lebih utama ialah orang mukmin yang berbuat kebajikan pada jalan Allah, baik dengan harta bendanya mahupun dengan jiwanya. Kemudian siapa lagi? tanya sahabat. Jawab Rasulullah, orang mukmin yang berada di satu lurah dari lurah bukit itu ia takutkan Allah dan menyeru manusia supaya

menjauhkan daripada angkara kejahatan."

Alhamdulillah dalam sejarah bangsa kita memang ada pemimpin-pemimpin dan rakyat-rakyat yang berjiwa besar yang mengorbankan harta kekayaan dan nyawanya untuk agama dan keperluan bersama demi mencapai keredhaan Allah di negeri akhirat kelak.

Tujuan agama Islam ialah melaksanakan keamanan dan kedamaian di dalam negara seterusnya untuk dunia seluruhnya. Firman Allah " (Itulah dia kesudahan dunia) Dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa." Yunus : ayat 25

Untuk mencapai salam di akhirat kita perlu menegakkan keimanan dalam dunia ini dengan menjalankan hukum-hukum Allah. Hukum-hukum Allah sahaja yang dapat menegakkan kesejahteraan dan kedamaian dalam dunia ini.

Allah Taala menyeru manusia supaya memperjuangkan keimanan. Firman Allah yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hukumnya." Al-Baqarah : ayat 208

bersambung di muka 2



Berita Penting Al Ulum KD9

Gotong-Royong Bersama Pelajar UNITEN – Insa' Allah Surau anda akan mengadakan Gotong Royong ini pada **SABTU 7 Januari, 2006, mulai jam 0830 pagi hingga 1.00 tengahari.** Ianya diadakan bagi tujuan membersihkan dan mengindahkan Surau kita disamping mengeratkan silaturrahim. Tuan/puan yang berkelapangan dijemput sama untuk menjayakannya, segala bentuk sumbangan amatlah dihargai. Sila hubungi mana-mana AJK Surau untuk maklumat lanjut.

Majlis Qurban – Insa' Allah majlis Qurban sempena hari Raya Haji ini akan diadakan di Surau Al Ulum KD9 selepas Solat Eidul Adha. Sebanyak 4 ekor lembu akan dikorbankan pada tahun ini dan daging korban akan didedarkan ke perijanan Seksyen 8 dan 9. Tuan-tuan yang berkelapangan dijemput sama untuk menjayakannya.

Ceramah Umum Sempena Eidul Adha – Insa' Allah akan diadakan SELEPAS Solat Maghrib pada SELASA 10 Zulhijjah 1426H bersamaan 10 Januari 2006 di Surau kita. Penceramah undangan adalah Al Fadzil Ust Kasfhun Nazir. Semua muslimin/muslimat dijemput hadir.

Petikan Al-Quran/Hadith

"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya." - Ali-Imran : Ayat 92

Qatadah r.a berkata Nabi s.a.w bersabda, "Bahawasanya puasa pada hari Arafah itu dapat menebus dosa dua tahun yang lalu dan tahun yang akan datang." - Hadis riwayat Muslim

MULIAKAN BULAN ZULHIJJAH.....

Salah satu cara memuliakan bulan Zulhijjah yang telah dianjurkan oleh agama kita ialah dengan berpuasa sunat pada tanggal 1 hingga 9 Zulhijjah.

Kelebihan berpuasa pada hari itu berbeza-beza pula, menurut sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a, Rasulullah saw bersabda maksudnya:

1. Tanggal 1 Zulhijjah, kesalahan Nabi Adam diampuni Allah, barangsiapa berpuasa pada hari itu, diampuni Allah akan dosanya
2. Tanggal 2 Zulhijjah, doa Nabi Yunus diperkenankan oleh Allah, barangsiapa berpuasa pada hari itu seolah-olah ia berpuasa setahun dan tidak pernah berbuat maksiat sedikit pun.
3. Tanggal 3 Zulhijjah, doa Nabi Zakaria diperkenankan Allah, barangsiapa berpuasa pada hari tersebut, diperkenankan segala doanya.
4. Tanggal 4 Zulhijjah, Nabi Isa a.s telah dilahirkan, barangsiapa berpuasa pada hari tersebut terhindar ia dari kefakiran serta kemelaratan dan pada hari kiamat kelak ia akan tergolong bersama dengan orang-orang terhormat.
5. Tanggal 5 Zulhijjah, Nabi Musa a.s dilahirkan, barangsiapa berpuasa pada hari itu terlepas ia dari sifat munafik serta dari seksa kubur.
6. Tanggal 6 Zulhijjah, Allah membukakan pintu kebajikan kepada Nabi-nabiNya, barangsiapa berpuasa pada hari tersebut ia akan dipandang oleh Allah dengan penuh rahmat dan kasih sayang serta terlepas daripada azab.
7. Tanggal 7 Zulhijjah, pintu neraka jahannam akan dikunci dan dibuka semula lewat 10 Zulhijjah, barangsiapa berpuasa pada hari tersebut, dikuncikan Allah baginya 30 pintu kesulitan dan dibukakan 30 pintu kesenangan.
8. Tanggal 8 Zulhijjah, Nabi Ibrahim bermimpi mendapat perintah dari Allah supaya menyembelih puteranya Ismail. Seharian ia berfikir apakah perintah itu datangnya dari Allah atau dari syaitan. Hari itu telah dinamakan dengan hari "Tarwiya" (hari berfikir-fikir). Barangsiapa berpuasa pada hari tersebut dia akan diberi Allah pahala yang tidak terhitung jumlahnya, hanya Allah sendiri yang mengeluh.
9. Tanggal 9 Zulhijjah, turun ayat terakhir kepada Rasulullah saw yang tersebut dalam surah Al-Maidah, ayat 3. Menurut sejarah, 81 hari setelah ayat ini diturunkan iaitu pada hari Jummat tanggal 9 Zulhijjah tahun 9 H ketika Nabi Wukuf di Arafah, baginda pun wafat. Pada hari itu juga Allah memberitahu Nabi Ibrahim bahawa perintah menyembelih anak itu sememangnya adalah perintah dariNya bukan dari syaitan. Justeru itu hari itu dinamakan dengan nama hari "Arafah" (hari tahu). Sesiapa berpuasa pada hari tersebut akan diampunkan Allah dosanya setahun lalu dan yang akan datang.
10. Tanggal 10 Zulhijjah, adalah hari raya Aidul Adha (korban) dinamakan juga hari "Nahar" (menyembelih). Barang siapa berkorban pada hari itu dengan seekor korban, maka setiap titisan darah yang mengalir dari leher haiwan itu akan diampuni Allah akan dosanya serta ahli keluarganya.

Barangsiapa yang bersedekah dengan memberi makanan kepada fakir miskin atau satu sedekah pada hari itu, maka ia dibangkitkan oleh Allah pada hari kemudian dalam keadaan aman dan sentosa serta timbangan amal baiknya lebih berat dari Bukit Uhud yang terdapat di Madinah.

Ganjaran Bagi Mereka Yang Memuliakan Zulhijjah

Kata sebahagian ulama, barangsiapa yang memuliakan hari-hari yang bertalu dalam bulan Zulhijjah, nescaya ia akan dianugerahi oleh Allah dengan 10 macam kemuliaan iaitu:

- * Berkah pada umurnya
- * Bertambah hartanya
- * Kehidupan rumahtangganya akan terjamin
- * Membersihkan diri dari dosa dan kesalahan yang telah lalu
- * Amal ibadah serta kebajikannya akan berganda
- * Allah akan memudahkan pada saat kematiannya
- * Allah akan menerangi kuburnya selama berada di alam barzakh
- * Allah akan memberatkan timbangan amal baiknya semasa di Mahsyar
- * Selamat dari kejatuhan kedudukannya di dunia
- * Martabatnya akan dinaikkan pada sisi Allah

00000000000000000000000000000000

Jadual Pengajian Maghrib Surau Al Ulum KD9

| Tarikh | Pengajar | Tajuk |
|----------------|------------------------------|-------------------|
| 01/01 (Ahad) | Ust Mohamad Amin AlBuntari | Tajwid |
| 02/01 (Isnin) | Ust. Syed Nazli | Umum |
| 03/01 (Selasa) | Ust. Muhadir Joll (UIA) | Tasauf |
| 04/01 (Rabu) | Ust. Kamal Mahadi (KISAS) | Tafsir |
| 05/01 (Khamis) | YAASIN/TAHLIL | - |
| 06/01 (Jumaat) | Ust. Azizi (As-Sahabah) | Feqah |
| 07/01 (Sabtu) | Ust. Karuzaman | Umum |
| 08/01 (Ahad) | Ust. Mohamad Amin Al Buntari | Tajwid |
| 09/01 (Isnin) | Ust. Halim Din (PZS) | Hadith |
| 10/01 (Selasa) | Ust. Kashfun Nazir | Khas - Eidul Adha |
| 11/01 (Rabu) | Ust. Zainuddin Abu Bakar | Feqah |
| 12/01 (Khamis) | YAASIN/TAHLIL | - |
| 13/01 (Jumaat) | | |
| 14/01 (Sabtu) | Ust. Zaharudin | Umum |
| 15/01 (Ahad) | Ust Mohamad Amin AlBuntari | Tajwid |
| 16/01 (Isnin) | | |
| 17/01 (Selasa) | Ust. Muhadir Joll (UIA) | Tasauf |
| 18/01 (Rabu) | Ust. Kamal Mahadi | Tafsir |
| 19/01 (Khamis) | YAASIN/TAHLIL | - |
| 20/01 (Jumaat) | Ust. Azizi (As-Sahabah) | Feqah |
| 21/01 (Sabtu) | Ust. Long Kechik | Umum |
| 22/01 (Ahad) | Ust Mohamad Amin AlBuntari | Tajwid |
| 23/01 (Isnin) | | |
| 24/01 (Selasa) | Ust. Muhadir Joll (UIA) | Tasauf |
| 25/01 (Rabu) | Ust. Zainuddin Abu Bakar | Feqah |
| 26/01 (Khamis) | Ust. Abdullah Osman Iraj | Hadis |
| 27/01 (Jumaat) | | |
| 28/01 (Sabtu) | Ust. Karuzaman | Tauhid |
| 29/01 (Ahad) | Ust. Mohamad Amin Al Buntari | Tajwid |
| 30/01 (Isnin) | | |
| 31/01 (Selasa) | Ust. Muhadir Joll (UIA) | Tasauf |

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

- Biro Penerbitan & Penerangan

dari muka depan.....Berkorban Demi Agama



Untuk menegapkan kedamaian dan keimanan kita mestilah mempunyai kekuatan dan bersedia pada bila-bila masa sahaja untuk menumpaskan pengacau-pengacau dan pegganas-pegganas dalam dunia ini. Firman Allah yang bermaksud, "Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang mencero) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari (pasukan-pasukan) berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerankan dengan (persediaan) itu musuh Allah dan musuh kamu." Al-Anfal : ayat 60.

Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya, "Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih dikasihi kepada Allah daripada orang mukmin yang lemah." HR Muslim

Kekuatan di sini mempunyai pengertian yang luas termasuk kekuatan ilmu pengetahuan, kesihatan tubuh badan, kekuatan alat senjata, kekuatan semangat dan keazaman. Maka kekuatan-kekuatan itulah yang dapat menjamin kemenangan kita untuk menumpas sekalian musuh Allah, musuh negara dan masyarakat yang sentiasa melakukan kerosakan dan fitnah di bumi Allah ini.

Jika umat Islam kuat imannya kepada Allah dan memahami akan cita-cita Islam yang sebenar serta bersedia berkorban dengan apa jua yang ada pada mereka maka masalah musuh-musuh Islam, musuh-musuh negara akan dapat dihancurkan dari masa ke semasa.

Dipetik dari Buku Manusia dan Islam oleh Prof Dato' Dr. Haron Din.